

ANM(T)81/10/6/10 Jld.5(30)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2009

TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2009

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan :

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2009 oleh Kementerian/Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2009; dan
- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian/Jabatan jika tidak mematuhi tarikh yang telah ditetapkan.

2. **TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN**

Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2009 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2009	Baucar Bayaran Manual	21 Disember 2009
	Dokumen Kewangan eSPKB	23 Disember 2009
Januari 2010 (AKB)	Baucar Bayaran Manual	08 Januari 2010
	Penyata Pemungut eSPKB	08 Januari 2010
	Baucar Bayaran eSPKB	08 Januari 2010
	Baucar Jurnal eSPKB	08 Januari 2010
	Baucar Bayaran(kuiri)	11 Januari 2010
	Waran Peruntukan Manual	13 Januari 2010
Waran Peruntukan eSPKB	13 Januari 2010	

3. **IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN**

3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2009 tetapi tidak sempat mengemukakan bayaran sebelum tarikh yang telah ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada Vot tahun 2010. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan tetapi ditolak/dikuiri oleh sistem, baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewat pada 11 Januari 2010 bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh AKB. Jika lewat hendaklah di bayar dalam tahun kewangan 2010 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

4. PENUTUP


4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat akhir dan memastikan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2009 tidak terganggu; dan

4.2 Pejabat Perakaunan akan menolak dokumen kewangan daripada Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua dokumen kewangan dapat diproses dan diperakaunkan dalam tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
'Inovasi Pemangkin Kecemerlangan Perkhidmatan'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)
Akauntan Negara Malaysia

Tarikh: 01 Disember 2009

s.k. Ketua Audit Negara